



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY
Kementerian Dalam Negeri
Ministry of Home Affairs
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 KAJANG
SELANGOR, MALAYSIA



Tel : 603-8911 2221
Faks (Fax) : 603-8926 2023
Laman Web (Web) : www.adk.gov.my

Ruj. Kami : AADK 700-8/12/6 Jld. 4 (2)

Tarikh : 25 Jun 2018

Para Pemohon

Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO)

Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP)

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

JEMPUTAN DAN PELAWAAN PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM PENCEGAHAN, RAWATAN DAN PEMULIHAN DENGAN MENGGUNAKAN GERAN YAYASAN ALBUKHARY DI BAWAH AKAUN AMANAH AADK BAGI TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menerima Geran Yayasan Albukhary (GYAB) melalui YB Menteri Dalam Negeri bagi membiayai program Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan dadah. GYAB ini bertujuan memberi bantuan kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) untuk melaksanakan program dan aktiviti pencegahan, rawatan dan pemulihan kepada klien-klien/ penagih-penagih dadah di institusi dan komuniti.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah dijemput dan dipelawa untuk menjalankan program pencegahan, rawatan dan pemulihan menggunakan GYAB dengan syarat yang telah ditetapkan. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan diminta mengemukakan **Borang Permohonan dan Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan menggunakan Geran Yayasan Albukhary di bawah Akaun Amanah AADK** seperti dalam **Lampiran A** kepada pihak Urus Setia Yayasan Albukhary berbentuk *hardcopy* atau poskan ke

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA. MARILAH BERTINDAK SEGERA.
Eradicating Drug Abuse Is Our Collective Responsibility. Lets Act Now.



alamat seperti yang tertera di dalam borang permohonan. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Julai 2018 (Selasa).**

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan boleh berhubung dengan :

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|--------------|
| 4.1 | En. Mohd Farid bin Mohamad Japeri | - | 03-8911 2439 |
| 4.2 | Pn. Mazlinna binti Kassim | - | 03-8911 2436 |
| 4.3 | Pn. Rohazita binti Ramza | - | 03-8911 2447 |
| 4.4 | Pn. Nurul Ain binti Abdul Halim | - | 03-8911 2450 |

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“KHIDMAT TANPA RASUAH”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' DR. ABD. HALIM BIN MOHD HUSSIN)

Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri